
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

ACW 261 • Perakaunan Sektor Awam

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan.

Soalan 1 (20 markah)

- (a) "Belanjawan dan perakaunan di dalam Sektor awam di katakan mempunyai perkaitan yang amat rapat antara satu sama lain". Jelaskan pemyataan di atas.

[10 markah]

- (b) Terangkan secara ringkas mengenai perkara-perkara berikut;
- i. Audit prestasi dan audit **pematuhan** dalam sektor awam.
 - ii. Kumpulanwang Disatukan Persekutuan (KWDS).
 - iii. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebagai entiti perakaunan .

[10 Markah]

Soalan 2 (20 markah)

- (a) (i) Nyatakan **empat** (4) contoh Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat dalam aktiviti pembiagaan yang beroreintasikan keuntungan.

[4 markah]

- (ii) Salah satu daripada tujuan kerajaan menubuhkan Badan Berkanun adalah untuk "**membolehkan agensi kerajaan menceburi aktiviti perniagaan serta mendapat keuntungan di atas aktiviti yang di ceburi**". Dengan merujuk kepada salah satu daripada contoh Badan Berkanun Kerajaan Persekutuan di atas, bincangkan setakat manakah tujuan di atas dapat di capai.


[8 markah]

- (b) Jelaskan secara ringkas kandungan laporan tahunan Badan Berkanun Persekutuan mengikut pekeliling Perbendaharaan bilangan 15 tahun 1994. (Garis Panduan Untuk Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan-Badan Berkanun Persekutuan).

[8 markah]

Soalan 3 (30 markah)

Rajah di bawah menunjukkan model akauntabiliti di dalam Sektor Awam di Malaysia



* PAC -- Jawatankuasa kira-kira wang awam.

Berdasarkan kepada model akauntabiliti di atas, sila jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Jelaskan maksud dan peringkat-peringkat akauntabiliti di dalam sektor awam .
[8 markah]
- (b) Huraikan peranan atau tugas setiap pihak /badan berkenaan (Parlimen, Perbendaharaan, kementerian/jabatan dan Audit) bagi memastikan kewujudan akauntabiliti.
[12 markah]
- (c) Nyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Perbendaharaan untuk meningkatkan akauntabiliti kewangan di dalam sektor awam.
[5 markah]
- (d) Nyatakan lima (5) aspek yang seringkali dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara berkaitan dengan kelemahan di dalam pengurusan kewangan Negara.
[5 markah]

Soalan 4 (30 markah)

- (a) Berikut adalah lembaran imbangan (kunci kira-kira) dan penyata pendapatan dan perbelanjaan Majlis Daerah Makmur bagi tahun kewangan berakhir 1998 dan 1999.

		Majlis Daerah Makmur Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 1999	Nota 1999(RM)	1998(RM)
Harta Tetap	2	5,465,946.08	5,053,416.38	
Harta Semasa				
Pelaburan dalam saham		200,000.00	200,000.00	
Akaun belum terima		1,764,611.73	106,351.19	
C a g a r a n a m		4,160.00	3,910.00	
Wang tunai	3	4,283,213.05	4,816,457.28	
(-) Tanggungan semasa				
Pinjaman		481,981.35	509,028.32	
Pelbagai sipiutang		49,728.89	55,700.97	
Pertaruhan		121,115.50	98,935.50	
Overdraft bank		32,308.87		
Modal kerja		5,566,850.17	4,463,053.79	
Jumlah aset tetap dan modal kerja		11,032,796.25	9,516,469.76	
Di bayai oleh:				
Kumpulan wang majlis		7,289,349.04	6,156,055.24	
Geran		3,743,447.21	3,360,414.52	
Jumlah		11,032,796.25	9,516,469.76	

Majlis Daerah Makmur
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
Bagi tahun berakhir 31 Disember 1999

	1999 (RM)	1998 (RM)
Pendapatan		
Hasil cukai	57,687.68	43,840.06
Hasil bukan cukai	798,922.88	
Terimaan bukan hasil	1,362.92	18,474.17
Pemberian dan caruman	1,971,162.00	3,670,461.18
Terimaan bukan kewangan	121,574.84	525,448.79
Jumlah pendapatan	2,950,710.32	4,758,133.32
Perbelanjaan		
Gaji dan upah	459,225.08	306,735.57
Elaun tetap	181,443.10	83,206.46
Sumbangan berkanun	92,637.74	66,734.97
Elaun lebih masa dan perjalanan	20,935.27	13,072.74
Perhubungan dan utiliti	59,778.74	35,573.98
Bekalan	94,436.48	73,960.23
Penyelenggaraan	242,830.42	48,050.30
Perkhidmatan iktisas	110,080.96	63,818.28
Kemudahan	193,666.89	857,094.60
Keraian dan honororium	14,221.30	11,633.50
Bayaran pekerja sementara	180,375.95	414,293.68
Pelbagai bayaran		56,844.18
Susutnilai	178,230.24	169,785.65
Bayaran audit	4,845.75	3,700.00
Bayaran perakaunan	3,665.00	3,665.00
Jumlah perbelanjaan	1,836,372.92	1,935,169.14
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan	1,114,337.40	2,822,964.18
Pelarasan tahun lepas	18,956.40	
	1,133,293.80	2,822,964.18

Nota kepada akaun:

1. Dasar perakaunan adalah berasas kos sejarah dan **asas akruan**.

2. **Harta tetap:**

Kos harta tetap pada 1 Januari 1999	RM6,180,546.10
Tambahan tahun semasa	RM590,760.24
Jumlah kos pada 31/12/99	RM6,771,306.34
Susutnilai terlcumpul pada 31/12/99	RM1,305,360.26
Nilai buku bersih	RM5,465,946.08

3. Wang tunai terdiri daripada simpanan tetap di bank Muamalat sebanyak RM4,283,213.05. Baki akaun simpanan pada tahun 1999 adalah RM32,308.87 (Debit/overdraft).

Dikehendaki:

Sediakan penyata alir tunai untuk Majlis Daerah Makmur bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1999 (menggunakan kaedah tidak langsung).

[20 markah]

- (b) Jelaskan kenapakah penyata alir tunai perlu disediakan oleh setiap Kerajaan Tempatan (PBT) sedangkan Kerajaan Persekutuan atau Negeri tidak perlu disediakan.

[5 markah]

- (c) Bincangkan perbezaan antara penyata alir tunai di dalam sektor awam dengan penyata alir tunai dalam sektor swasta.

[5 markah]

• 0000000 •